



Keberkesanan Sesi Pengajaran dan Pembelajaran dengan Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi melalui sistem eSPEK



12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31 32



12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31

Disediakan oleh :

**Nor Adila binti Rahmad
Aminah binti Anwar
BTM, INSTUN**

1. Pengenalan

Sebuah organisasi latihan memerlukan satu sistem yang berkesan dan sistematik bagi memastikan perjalanan pengurusan sistem latihan dapat ditadbir urus dengan efektif. Program latihan adalah satu aspek penting yang tidak boleh dikesampingkan dalam rangka melahirkan pekerja terlatih dan profesional. Seterusnya mampu menyumbang kepada peningkatan kualiti kerja dan produktiviti serta meningkatkan imej organisasi (Don et. al, 2015). Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) sebagai salah sebuah institut latihan awam di Malaysia berusaha untuk meningkatkan kompetensi penjawat awam melalui latihan-latihan yang dijalankan. Sistem Pengurusan Kursus (eSPEK) merupakan sistem aplikasi yang dibangunkan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kursus di INSTUN dan memudahkan pelanggan INSTUN membuat urusan berkaitan kursus secara atas talian. Sehingga Mei 2016 terdapat 18,930 pengguna berdaftar eSPEK dengan purata transaksi sebanyak 198 sebulan bagi tahun 2007 sehingga Mei 2016.

Sistem ini diguna pakai oleh semua bahagian yang terlibat dalam pengurusan latihan INSTUN. Bahagian-bahagian tersebut adalah Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT), Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP), Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP) dan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau keberkesanan sistem eSPEK dalam pengurusan latihan di INSTUN. Ianya adalah untuk memastikan pengurusan latihan di INSTUN dijalankan dengan sistematik dan mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan sistem eSPEK di INSTUN.


Latar Belakang

eSPEK adalah satu aplikasi yang dibangunkan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kursus dan memudahkan pelanggan INSTUN membuat urusan berkaitan kursus secara dalam talian. Sistem eSPEK dapat digunakan sepenuhnya dengan tujuan untuk memastikan urusan-urusan latihan akan menjadi cepat serta mutu penyampaian latihan dapat dipertingkatkan dan menjadi contoh kepada Institusi-Institusi Awam yang lain selaras dengan visi INSTUN iaitu untuk 'muncul sebagai institusi latihan, rujukan dan penyelidikan yang terunggul dalam bidang pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan serta teknologi maklumat yang berkaitan selaras dengan wawasan Negara menjelang tahun 2020'.


Sebelum sistem ini diimplementasi pengurusan latihan INSTUN dilaksanakan dalam bentuk manual dan proses ini didapati melambatkan proses pengurusan latihan kerana peserta perlu

menghantar borang permohonan kursus setiap kali peserta tersebut perlu memohon kursus di INSTUN. Selain itu semua urusan surat menyurat kepada peserta perlu dilakukan secara manual dan terdapat beberapa kes peserta tidak mendapat surat berkenaan dan menyebabkan peserta tersebut gagal menghadiri kursus seperti yang telah dijadualkan. Setelah sistem eSPEK diguna pakai untuk membantu pengurusan latihan di INSTUN semua proses tersebut telah dipermudahkan. Penggunaan sistem ini telah menyebabkan peserta tidak lagi perlu mengisi maklumat peribadi setiap kali memohon kursus di INSTUN, urusan surat menyurat berkaitan jemputan peserta dan seumpamanya terus di kompil menerusi sistem eSPEK, proses pengendalian kursus juga melalui sistem. Secara dasarnya sistem eSPEK akan menjimatkan masa dan tenaga.

Sistem eSPEK digunakan bermula dengan tawaran kursus kepada semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sehingga penyediaan laporan akhir kursus tahunan INSTUN. Sistem ini akan membantu penyelaras kursus untuk mengendalikan kursus di bawah seliaan mereka dengan lebih teratur dan menjimatkan masa. Selain memberikan fokus kepada kerja-kerja yang perlu dilakukan oleh penyelaras kursus, sistem ini juga membantu pihak domestik INSTUN untuk menyediakan keperluan penginapan kepada peserta kursus yang telah mengesahkan kehadiran mereka melalui sistem. Selain itu, ia juga membantu Bahagian Penyelidikan dan pembangunan untuk menyediakan sijil kepada peserta kursus dan menjana laporan berkaitan prestasi kursus di INSTUN.



Paparan utama sistem eSPEK



Carta alir penggunaan Sistem eSPEK

Pernyataan Masalah

Penyelarasan kursus memerlukan pengurusan yang sistematik dan berkesan. Namun begitu terdapat kekangan dalam penyelarasan kursus secara manual yang menyebabkan agihan kerja dan keperluan peserta kursus tidak dapat dipenuhi dengan berkesan. Oleh yang demikian sistem eSPEK yang dibangunkan sebagai tulang belakang kepada penyelarasan kursus, pembelajaran dan pengajaran di INSTUN perlu dipertingkatkan seiring dengan keperluan peserta kursus khususnya bagi menjamin tahap efisiensi. Jika merujuk kepada statistik penggunaan, Sistem eSPEK juga sering di akses menggunakan peranti mudah alih terutama bagi pegawai-pegawai yang terlibat dengan tugas di luar pejabat. Dengan menggunakan templat berasaskan web sedia ada, paparan yang diperolehi tidak begitu memuaskan dan agak menyukarkan para pengguna.

Terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan ke atas modul sedia ada mengikut keperluan semasa pengguna. Modul-modul ini perlu ditambah baik untuk memastikan urusan permohonan dan pengurusan kursus dapat berjalan dengan lebih lancar. INSTUN selaku pusat latihan seharusnya sentiasa berusaha meningkatkan keberkesanan pengurusan kursus-kursus yang dijalankan melalui penggunaan berterusan sistem ini.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Menilai tahap kepuasan peserta kursus terhadap penyelarasan kursus-kursus yang dijalankan di INSTUN melalui eSPEK.
2. Menilai tahap kepuasan peserta kursus terhadap teknik pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam kursus-kursus di INSTUN.

Soalan Kajian

1. Apakah tahap kepuasan peserta kursus terhadap penyelarasan kursus-kursus yang dijalankan di INSTUN melalui eSPEK?
2. Apakah tahap kepuasan peserta kursus terhadap teknik pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam kursus-kursus di INSTUN?

Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas seramai 111 responden yang terdiri daripada peserta kursus Teknologi Maklumat pada bulan Februari 2016. Kursus-kursus tersebut ialah kursus :

1. TM01/16 - KURSUS PENGURUSAN MEDIA SOSIAL UNTUK PENINGKATAN IMEJ ORGANISASI
2. TM02/16 - KURSUS PENGHASILAN MONTAJ MENGGUNAKAN MICROSOFT POWER POINT 2010
3. TM03/16 - KURSUS PENYEDIAAN BAHAN PENERBITAN - ADOBE ILLUSTRATOR
4. TM04/16 - KURSUS SISTEM PENDAFTARAN TANAH BERKOMPUTER (SPTB) DAN SECURED LAND MANAGEMENT SYSTEM (SELAMAT)

Kumpulan sasaran bagi kursus dan kajian ini adalah semua pegawai pelbagai gred daripada pelbagai agensi/kementerian.

Signifikan

Kajian ini perlu dilakukan untuk memastikan tahap kepuasan peserta kursus terhadap penyelarasan serta teknik pengajaran dan pembelajaran di dalam kursus-kursus di INSTUN adalah meningkat dari semasa ke semasa. Penilaian dan komen-komen peserta terhadap perkara-perkara yang diketengahkan di dalam kajian ini diharap dapat menjadi rujukan kepada INSTUN untuk mengenalpasti apakah kaedah yang lebih baik di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kursus-kursus yang dijalankan pada masa akan datang.

2. TINJAUAN LITERATUR

Penggunaan kemudahan ICT yang meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran menarik minat peserta untuk memberi lebih tumpuan pada sesi tersebut. Kajian Renee, 2015 menyatakan bahawa kefahaman guru sendiri tentang tujuan ICT digunakan serta bagaimana pendekatan yang diambil merupakan kunci utama kepada keberkesanan P&P berteraskan ICT. Ini kerana kegagalan guru dalam memilih strategi dalam penggunaan ICT untuk P&P boleh menyukarkan kefahaman murid.

Dalam usaha untuk menjamin keberkesanan sesuatu program latihan, kaedah penyelarasan serta teknologi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan keperluan dan kehendak para peserta. Satu kajian telah dijalankan oleh Junaidah Hashim (2001), merungkai persoalan apakah kefungsiannya sebenar yang dimainkan oleh sesebuah organisasi yang menyediakan program latihan? Kajian ini telah merangkumi semua organisasi yang telah berdaftar di bawah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia. Sebanyak 262 buah organisasi yang terlibat di dalam kajian. Hasil Kajian menunjukkan bahawa hanya 47% sahaja berlakunya keberkesanan program.

Reka bentuk dan sistem sokongan dalam sesuatu sistem pengurusan kursus juga adalah penting dalam menjamin kepuasan dan kejayaan pelajar. Kajian Dabbagh (2007) telah mempersoalkan apakah aspek-aspek penyelarasan dalam sesuatu kursus dalam talian atau rekabentuk pengajaran yang mampu menyumbang kepada kejayaan dan kepuasan pelajar. Hasil kajian beliau mendapati bahawa rekabentuk pengajaran yang bersesuaian, sokongan, struktur dan reka bentuk kursus boleh membantu meningkatkan prestasi dan kepuasan pelajar.

Sejajar dengan pengalaman dan kepesatan teknologi kini, responden lebih mudah memahami dengan lebih jelas dan tepat logik penyampaian penceramah di INSTUN. Menurut Meyers dan Jones (1993), pelajar dewasa mahu pengalaman mereka diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Keberkesanan pelaksanaan suatu latihan adalah amat sukar untuk diukur dengan efektif. Endres dan Kleiner (1990) pernah membuat kajian mengenai pengukuran keberkesanan latihan pengurusan dan pembangunan. Menurut mereka, pengukuran keberkesanan latihan perlu meliputi penilaian terhadap reaksi emosi dan penambahan pengetahuan oleh peserta selepas mengikuti kursus. Selepas latihan, para peserta mula balik ke tempat kerja masing-masing dan bertemu semula dengan rakan setugasannya dengan aneka persediaan seperti pertambahan ilmu dan kemahiran dan dengan penuh harapan baru untuk dapat berkhidmat dengan lebih produktif.

Malah, ketua dan rakan setugasannya di pejabat juga mempunyai sesuatu pengharapan agar pelatih dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari semasa bertugas. Apabila sekembalinya pelatih ke pejabat maka bermulalah pula suatu proses pengubahsuaian bagi semua yang terlibat. Umpamanya, kemahiran yang baru dipelajari menjalani ubahsuaian agar dapat sejajar dengan

keadaan kerja di tempat berkenaan. Bekas peserta kursus pula barangkali mendapati organisasi tempat kerjanya itu begitu menggalakkan mereka untuk mengamalkan apa yang dilalui dalam latihannya itu di samping memberi segala bantuan dan sokongan terus-menerus untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan (Ramli, 1998).

3. METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan

Kajian berbentuk campuran digunakan untuk mengetahui keberkesanan penyelarasan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan integrasi teknologi maklumat dan komunikasi yang dijalankan di INSTUN. Ia bertujuan untuk meneroka bagaimana keberkesanan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di INSTUN. Justeru itu, peserta kursus diminta untuk menjawab penilaian kursus bagi mengukur keberkesanan tersebut. Melalui kaedah ini pengkaji ingin mendapatkan maklumat dan memahami kebolehan penggunaan TMK penceramah di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Reka Bentuk Kajian

Kajian telah dijalankan kepada peserta kursus yang mengikuti kursus di INSTUN. Kajian ini melibatkan 4 kursus yang telah dijalankan oleh Bahagian Teknologi Maklumat pada Februari hingga Mac 2016. Rekabentuk kajian tinjauan secara deskriptif statistik dan kualitatif yang menyokong hasil tinjauan digunakan dalam soal selidik yang disediakan. Rekabentuk ini digunakan memandangkan ianya boleh menggambarkan secara tepat pandangan peserta kursus dan dapat merumuskan prosedur yang digunakan untuk merumuskan, menyusun dan memahami satu set skor atau pemerhatian (Creswell, 2005) . Prosedur untuk menjalankan kajian ini adalah peserta perlu membuat permohonan kursus, menghadiri kursus yang dijadualkan dan di hari terakhir kursus sesi penilaian kursus akan dijalankan dan dari situ hasil kajian ini didapati.

Populasi dan Sampel

Bilangan peserta yang hadir berkursus di INSTUN adalah di antara 4000 ke 4500 orang. Pada tahun 2015 bilangan peserta yang berkursus adalah seramai 4080 orang. Responden bagi kajian ini melibatkan 111 peserta kursus yang mengikuti kursus di INSTUN. Peserta merupakan pemohon yang terpilih untuk mengikuti kursus datang dari pelbagai agensi kerajaan. Responden berlatar belakangkan pelbagai bidang dan gred perkhidmatan.

Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini telah dijalankan ke atas seramai 111 orang peserta daripada 4 kursus di Bahagian Teknologi Maklumat pada bulan Februari 2016. Pada akhir kursus peserta diminta untuk menjalani sesi penilaian kursus secara atas talian di dalam sistem eSPEK. Peserta kursus akan log masuk ke sistem eSPEK dan diminta menjawab soalan-soalan penilaian kursus bagi kursus tersebut selama 30 minit.

Instrumentasi

Soalan-soalan di dalam borang penilaian kursus ini dibahagikan kepada empat tajuk utama seperti berikut:

1. Penilaian Penceramah
2. Penilaian Kursus
3. Penilaian Kemudahan
4. Komen dan Cadangan

Di bawah tajuk-tajuk utama ini, disertakan sub-soalan bagi memperincikan maksud kajian ini dijalankan. Sebagai contoh, di bawah Penilaian kursus, soalan diperincikan kepada perkara-perkara berikut:

1. Isi kandungan Kursus
2. Teknik Latihan dan Penyampaian
3. Penyelaras Kursus
4. Faedah Kursus

Borang Penilaian Kursus ini dibahagikan kepada 10 skala seperti berikut:

1. TB : TIDAK BERKAITAN
2. 1 : SANGAT LEMAH
3. 2 : LEMAH
4. 3 : AGAK LEMAH
5. 4 : KURANG MEMUASKAN
6. 5 : SEDERHANA
7. 6 : MEMUASKAN
8. 7 : BAIK
9. 8 : SANGAT BAIK
10. 9 : CEMERLANG

Bagi tajuk Komen dan Cadangan, responden akan dapat menyatakan pandangan dengan cara yang lebih bebas untuk menyokong tajuk-tajuk yang sebelumnya.

Kaedah Analisis Data

Analisa data ini dibuat dengan menggunakan Modul Laporan di dalam Sistem eSPEK. Data daripada borang penilaian kursus atas talian yang telah diisi oleh responden dirumuskan dalam bentuk purata peratusan dan juga skor purata. Analisa dirumuskan kepada perkara-perkara berikut:

1. Penilaian kemudahan
2. Penilaian penyelarasan
3. Penilaian isi kandungan
4. Penilaian teknik penyampaian
5. Komen keseluruhan

4. ANALISIS DATA

Responden tinjauan ini adalah terdiri dari 111 peserta dari 4 kursus Bahagian Teknologi Maklumat. Daripada aspek jantina, majoriti responden terdiri dari kalangan lelaki iaitu seramai (57.7%) berbanding perempuan (42.3%). Walau bagaimana pun, secara amnya taburan ini menunjukkan peratusan hampir seimbang dengan perbezaan yang tidak begitu ketara. Kesemua responden yang terlibat dalam tinjauan ini secara sukarela mengisi soal selidik mudah yang disediakan secara atas talian.

	TM01/16 (%)	TM02/16 (%)	TM03/16 (%)	TM04/16 (%)	Purata Peratusan (%)
Kemudahan	90.5	88.2	89.4	85.9	88.5
Penceramah	89.3	80.7	94.0	85.9	87.48
Penyelarasan Kursus	86.6	89.4	94.6	87.3	89.48
Isi Kandungan	89.2	86.5	94.5	86.0	89
Teknik Penyampaian	80.4	75.8	85.2	85.9	81.65

Analisa data mendapati purata peratusan hasil tinjauan, soalan berkaitan penyelarasan kursus lebih tinggi berbanding soalan yang lain. Purata penilaian penyelarasan kursus adalah sebanyak 89.48%. Ini diikuti oleh penilaian isi kandungan, 89%, penilaian kemudahan 88.5%, penilaian penceramah 87.48% dan teknik penyampaian 81.65%.

Bagi analisa penilaian penyelarasan kursus, persoalan membincangkan tentang interaksi dengan peserta, kesediaan menerima maklumbalas dan juga kesediaan bertindak ke atas maklumbalas peserta. Secara keseluruhan 89.48% responden berpuas hati dengan kaedah penyelarasan kursus di dalam Sistem eSPEK.

Dapatan daripada analisa penilaian penceramah, mendapati secara purata 87.48% responden berpuas hati dengan persembahan penceramah dari aspek isi kandungan, penyampaian dan kaitan isi kandungan dengan kursus.

Bagi analisa terhadap penilaian kemudahan, mendapati bahawa secara purata 88.5% responden berpuas hati dengan kemudahan kursus yang disediakan.

Manakala bagi persoalan berkenaan teknik penyampaian yang mengandungi syarahan, latihan amal dan perbincangan, secara keseluruhan 81.65% responden berpuas hati dengan teknik penyampaian yang digunakan.

Hasil analisa penilaian isi kandungan pula mendapati 89% responden berpuas hati dengan kesinambungan topik-topik, penekanan teori dan praktis.

Seperti kajian telah dijalankan oleh Junaidah Hashim (2001), fungsi sebenar yang dimainkan oleh sesebuah organisasi yang menyediakan program latihan? Kajian ini telah merangkumi semua organisasi yang telah berdaftar di bawah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia. Sebanyak 262 buah organisasi yang terlibat di dalam kajian. Hasil Kajian menunjukkan bahawa hanya 47% sahaja berlakunya keberkesanan program.

5. PERBINCANGAN

a) Dapatan kajian

Secara umumnya, dapatan kajian telah diperolehi melalui hasil analisis data yang telah dibentangkan. Objektif kajian ini dijalankan yang pertamanya adalah untuk menilai tahap kepuasan peserta kursus terhadap penyelarasan kursus yang dijalankan di INSTUN. Keputusan analisis mendapati bahawa terdapat respon yang positif dalam kaedah penyelarasan kursus dengan menggunakan eSPEK.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa para peserta kursus berpuas hati dengan kaedah penyelarasan kursus yang digunakan. Keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan integrasi teknologi maklumat dan komunikasi menjadi persoalan penting bagi institusi-institusi yang menjalankan latihan. Kajian ini sedikit sebanyak cuba melihat penerimaan peserta kursus di INSTUN terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan bantuan teknologi maklumat dan komunikasi. Penggunaan teknologi dalam sesi pembelajaran memerlukan kebolehan dan kesediaan penceramah dan penyelarasan program mempelajari perkara-perkara baru dalam dunia digital.

Oleh itu sebelum teknologi digunakan dalam pelbagai bidang kursus penceramah dan penyelarasan perlu didedahkan tentang teknologi-teknologi yang boleh digunakan agar sesi pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan baik dan tidak terganggu. Melalui kajian ini dapat dilihat bagaimana responden berkeyakinan tinggi tentang potensi platform pengurusan kursus di INSTUN, responden juga bersetuju bahawa platform ini mudah digunakan, walaupun bantuan teknikal mengenai proses penggunaan sistem tersebut hanya dibuat melalui panggilan telefon. Penyelarasan program telah terlebih dahulu diberi latihan tentang penggunaan eSPEK sebelum platform ini mula digunakan oleh responden-responden.

Penggunaan sistem eSPEK membantu penyelaras program mengendalikan pengurusan kursus dari permulaan kursus sehingga kursus berakhir dengan lebih mudah dan cepat. Proses pengurusan kursus yang dipecahkan mengikut kategori pengurusan kursus seperti perancangan kursus, permohonan kursus dan pengendalian kursus memudahkan penyelaras program untuk menguruskan dokumen terlibat dengan kursus tersebut. Selain penyelaras kursus, beberapa peranan lain di dalam eSPEK ini mendapat manfaat dan menjadikan maklumat di dalam eSPEK sebagai maklumat yang boleh diharapkan. Antara peranan yang mendapat manfaat tersebut adalah *user*, *admin*, penyelaras, laporan, keselamatan, domestik, sumber manusia, pengajar, kewangan dan eksekutif. Setiap peranan ini terlibat di dalam memudahkan proses pengurusan kursus di peringkat bahagian secara khusus dan peringkat INSTUN secara amnya.

b) Implikasi kajian

Melalui kajian yang dijalankan para peserta kursus di INSTUN khususnya dapat membantu untuk meningkatkan mutu keberkesanan penyelaras kursus dan juga keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di INSTUN. Dengan kajian ini diharapkan para peserta dapat memberikan buah fikiran dan juga pandangan mereka berkenaan kualiti penganjuran kursus di INSTUN. INSTUN juga dapat menilai sejauh mana kepuasan pelanggan mereka terutama peserta-peserta kursus yang sebahagiannya adalah peserta yang sering hadir untuk melengkapkan diri mereka dengan ilmu teori dan praktikal di lapangan masing-masing dalam bidang tanah dan ukur.

Dengan adanya kajian ini, INSTUN akan berusaha bergerak selari dengan kemajuan teknologi pembelajaran dan pengajaran sepertimana yang dikehendaki oleh pelanggan mereka. Bahagian Teknologi Maklumat khususnya akan berusaha ke arah meningkatkan Sistem eSPEK supaya ianya dapat membantu pengurusan kursus dengan lebih baik dan menyokong kepada teknologi pengajaran dan pembelajaran semasa. INSTUN sebagai sebuah pusat latihan seharusnya mengambil langkah yang proaktif untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan utama mereka.

Penilaian terhadap kaedah penyelaras kursus di INSTUN menunjukkan skor purata yang agak tinggi dapat menunjukkan bahawa peserta kursus berpuas hati dengan sistem eSPEK yang digunakan berbanding kaedah penyelaras manual. Ini juga menunjukkan keupayaan para peserta menggunakan teknologi adalah di tahap yang optimum. Respondan yang datang daripada pelbagai gred perjawatan juga menunjukkan bahawa pada masa kini, pendedahan terhadap teknologi pengajaran dan pembelajaran juga adalah berada di tahap yang memuaskan walaupun masih terdapat banyak ruang penambahbaikan.

Melalui kajian ini juga, penyelaras kursus terutamanya dapat menilai setakat mana kepuasan peserta kursus terhadap perkhidmatan yang ditawarkan melalui kursus INSTUN secara amnya dan kursus-kursus di bawah seliaan mereka secara khususnya. Dengan ini, mereka juga boleh berusaha untuk meningkatkan kompetensi diri ke arah memberikan perkhidmatan yang lebih baik dari semasa ke semasa. Para penceramah kursus juga dapat

mengetahui setakat mana keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan sepanjang kursus mereka berjalan. Mereka juga dapat mengetahui secara umum, apakah teknik-teknik yang digemari oleh para peserta kursus mengikut peredaran teknologi seiring dengan perubahan zaman.

Implikasi daripada keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan integrasi teknologi maklumat dan komunikasi ini dapat menjamin kebolehpercayaan para pelanggan INSTUN khususnya peserta kursus terhadap kebolehan INSTUN sebagai pusat latihan yang terunggul.

c) Cadangan kajian akan datang

Kajian ini menunjukkan hasil responden berpuashati dengan cara sistem ini menguruskan kursus yang dijadualkan dalam tempoh pelaksanaan sesuatu kursus. Namun demikian terdapat beberapa faktor yang masih lagi perlu diperbaiki untuk memastikan sistem ini berjalan dengan lebih baik. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar beberapa soalan di dalam soal selidik perlu di kaji semula berdasarkan kepada tajuk kajian ini.

Selain itu, didapati satu kajian terhadap penetapan skala kepada yang lebih tepat mengikut *likert scale* mampu menjadikan hasil keberkesanan lebih tepat dan efektif.

d) Kesimpulan

Daripada analisa yang dibuat, tenaga pengajar mendapati beberapa aspek penyampaian dan pengajaran perlu ditambah baik dan kepelbagaian cara penyampaian akan memberi kesan berbeza mengikut kumpulan sasaran peserta yang menghadiri kursus di INSTUN. Penggunaan ICT di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran membantu peserta lebih memahami dengan lebih jelas dan menghasilkan peserta yang aktif di dalam kelas.

Oleh yang demikian, ICT dilihat membantu tenaga pengajar memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran kerana faktor kepelbagaian umur dan gred jawatan peserta yang menghadiri kursus di INSTUN.

Rujukan

Dabbagh, N. (2007) 'The online learner: characteristics and pedagogical implications', *Contemporary Issues in Technology and Teacher Education*, vol. 7, no. 3, pp. 217–226.

Don, A. G., Tamuri, A. H., Hussin, S., Noh, M. A. C., Mokhtar, A. I., & Aini, Z. (2015). Penilaian Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Kursus dan Latihan yang Ditawarkan oleh Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS). *Sains Humanika*, 6(1).

Junaidah Hashim, (2001) "Training evaluation: clients' roles", *Journal of European Industrial Training*, Vol. 25 Iss: 7, pp.374 - 379

Lee Siew Wan & Khalid, F. (2016). Keberkesanan Penggunaan Edu Lite Speed dalam Pembelajaran Sains Tahun 1. Dalam Nabillah Othman, Chiang Wei Luan & Nurul Syaida Md Zuki. Editor., Pendidikan Abad ke-: Peranan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Cabarannya. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.

Meyers C. & Jones T.B. 1993. *Promoting Active Learning*. San Francisco: Jossey-Bass Inc. Publishers.

Endres G. J. and Kleiner, B. H. (1990) *How to Measure Management Training and Development Effectiveness*, *Journal of European Industrial Training*, 14 (9).

Ramli, W. A. (1998) *Latihan Profesional: Pendekatan: Pendekatan Kepada Teori Strategi-Amali Dalam Latihan Profesional*. Kuala Lumpur, Malaysia: Golden Books Centre Sdn. Bhd.